

20 MAC 2018

## Dua bekas keldai dadah di Peru pulang Isnin

# Dua bekas keldai dadah di Peru pulang Isnin

**KUALA LUMPUR 19 Mac** - Biro Kebajikan UMNO (BKUM) melalui Wisma Putra akan membawa pulang dua rakyat Malaysia yang terkandas di Peru selepas menjadi mangsa sindiket pengedaran dadah antarabangsa hampir 11 tahun lalu.

Pengerusinya, Datuk Dr. Shamsul Nasarah berkata, empat wakil BKUM diketuai Setiausaha Operasinya, Mohd. Shoubli Jamal akan berlepas ke Peru malam esok bagi menjayakan misi tersebut.

"Kita (BKUM) membiayai semua kos membawa pulang kedua-dua mangsa termasuk kos penerbangan serta kos tinggal lebih tempoh masa yang dibenarkan berjumlah lebih RM150,000.

"Mangsa, Noor Azimah Sapie, 38, bersama anakrinya, Qistina Maisara Alarcon Sapie manakala Noor Suzanna, 36, suaminya, Garlin Lever Quiste Sanchez serta dua anak mereka, Muhammad Duler Akasyah Salas Azmi dan Garlin Junior Quispe Azmi dijangka tiba di negara ini pada pukul 2.50 petang, 26 Mac ini," katanya dalam sidang akhbar, di sini

hari ini.

Sebelum ini, Noor Azimah yang dalam perjalanan ke Amerika Syarikat (AS) telah ditinggalkan sindiket pengedaran dadah di Peru selepas tidak dibenarkan masuk ke AS dan terkandas di Peru hampir 10 tahun.

Noor Suzanna pula dijatuhi hukuman penjara tujuh tahun kerana dipercayai turut terlibat dalam sindiket pengedaran dadah, namun terkandas di Peru

lepas dibebaskan setelah menjalani hukuman penjara selama lima tahun.

Tambah Shamsul, BKUM merancang untuk membawa pulang keluarga itu pada Januari lalu tetapi disebabkan terdapat kesukulan pada dokumentasi, ia terpaksa ditangguh buat seketika.

"Kita menghormati segala perundangan di Peru. Sebaik sahaja kita mendapat kelulusan daripada kerajaan Peru, kita melalui Wisma Putra terus menghantar permohonan *exit permit* dan alhamdulillah, kita berjaya mendapatkannya dalam tempoh seminggu," katanya.



SHAMSUL NASARAH